

GETAH (SMR 20)	RM557/kg	TIMAH	AS\$14,250 /tan
MINYAK SAWIT (SEPTEMBER '15)	RM1,715/tan	EMAS	RM138.08/gram

Situasi berbeza dengan krisis kewangan 1998, rizab antarabangsa masih teguh

Usah bimbang kejatuhan ringgit

KUALA LUMPUR - Rakyat tidak perlu bimbang dengan kejatuhan nilai ringgit yang mencecah paras RM3.80 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) kelmarin kerana ia bukan situasi yang sama seperti krisis kewangan yang pernah dilalui pada tahun 1998.

Pakar ekonomi, Datuk Jalilah Baba sebaliknya berkata, situasi ini akan pulih semula apabila nilai ringgit diramal kembali teguh menjelang hujung tahun ini.

"Buat masa ini ekonomi dunia berada pada tahap yang tidak memuaskan sekali gus menyebabkan nilai mata wang negara-negara lain termasuk Malaysia mengalami kemerosotan ke-



JALILAH



AFZANIZAM



NOORIZUDDIN

cuali dolar AS yang mendapat permintaan tinggi.

"Jadi usaha pelabur untuk memulihkan semula ekonomi dunia sudah pasti akan memberi impak positif kepada kita kerana nilai ringgit akan meningkat naik serta bakal mendapat permintaan tinggi," katanya kepada *Kosmo!* ketika dihubungi di sini semalam.

Pendapat tersebut turut dipersetujui oleh **Ketua**

Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd., Mohd. Afzanizam Abdul Rashid yang menjelaskan bahawa kemerosotan ringgit buat masa ini dilihat tidak memerlukan campur tangan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menaikkan kadar faedah.

"Sebagai contoh, jika kita lihat negara yang mengalami defisit berkembar iaitu defisit dalam imbalan akaun semasa dan defisit



KRISIS ekonomi global telah memberi kesan kepada kadar nilai mata wang tempatan juga serantau. - Gambar hiasan

fiskal seperti India dan Indonesia, mereka cenderung untuk menaikkan kadar faedah apabila mata wang merudum bagi menggalakkan kemasukan modal asing untuk menyokong pertumbuhan ekonomi.

"Bagaimanapun, Malaysia masih mencatatkan lebihan

dalam imbalan akaun semasa dan defisit fiskal pula mencatatkan penurunan, oleh itu tidak ada keperluan untuk menaikkan kadar faedah bagi menangani isu kelemahan ringgit," ujarnya. Tambahnya, perubahan kadar faedah yang diambil BNM selama ini digunakan

untuk mengawal inflasi serta merangsang pertumbuhan ekonomi.

Sementara itu, **Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohamad Noorizuddin Nooh** berkata, antara langkah yang perlu diambil kerajaan untuk memulihkan semula situasi ini ialah dengan menggunakan nilai ringgit dalam semua urusan perniagaan bersama rakan perniagaan luar negara.

Ringgit pada pagi kelmarin jatuh ke paras terendah sejak tahun 2005 iaitu 3.8040 berbanding dolar AS dan ditutup pada paras 3.8050 pada pukul 5 petang.